


DAGANG LALU DITANAKKAN

SALAH satu adat budaya Melayu yang amat terpuji dan mungkin jarang kedapatan kepada bangsa - bangsa lain di dunia ini ialah "budi baso" (bukan budi bahasa). Jika dibandingkan dengan orang-orang Barat ibarat bumi dengan langit bezanya, pepatah yang sering kita dengar "kera di hutan disusukan, anak di pangku diletakkan, dagang lalu ditanakkan" sudah cukup membuktikan bagaimana mulianya hati dan tingginya budi dan keperibadian bangsa kita ini.

Oleh kerana tidak berwaspada dan agak keterlaluan budi baiknya adat budaya ini kadang - kadang telah membawa padah buruk kepada orang-orang Melayu dalam banyak perkara, kerana kita selalu lupa dan lalai dari pesanan orang tua-tua "buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali," "hati-hati berjalan di titian terlepas pegangan tergelincir kaki." (Di kampung - kampung terutama di pedalaman dan ketika pepe-



Oleh:
TAN SRI SAMAD IDRIS

tih ini mula diciptakan, kalau hendak menyeberang sungai yang tidak begitu lebar biasanya dibuat titian dari batang kelapa atau batang pinang tidak ada jambatan seperti sekarang, untuk menyeberang itu selamat dan terjamin

dibuat pula pemegangnya dari buluh).

Biasanya sungai - sungai di zaman dulu dalam-dalam airnya kerana belum ada hutan-hutan yang ditebang seperti sekarang dan biasanya pula dalam sungai ini tidak kurang pula buaya-buaya lapar yang menunggu mangsa, dari sinilah pepatah ini diciptakan.

Seperti yang kita sedia maklum orang tua-tua dulu kalau menuturkan kata-kata amat lemah lembut, beradab sopan dan menggunakan kata-kata kiasan supaya orang yang mendengarnya itu tidak tersinggung dan berkecil hati, tidak seperti setengah - setengah orang sekarang terutama orang-orang muda suka menggunakan kata-kata yang kasar bahasanya lebih-lebih lagi kalau orang-orang politik ketika berkempen dalam pilihanraya.

Orang tua-tua dulu kalau hendak bercakap atau menegur seseorang yang dipandangnya perlu ditegur atau diberi

nasihat ia akan berfalsafah lebih dahulu dengan satu pepatah yang sering menjadi buah mulut mereka, "saya bukan hendak mengajar itik berenang atau hendak mengajar tupai melompat" tetapi hanya sekadar 'kalau lupa beringat' demikian kata-kata yang sedikit pun tidak tersinggung orang mendengarnya.

Seperti yang kita maklum itik tak perlu diajar berenang begitu juga tupai tak payah diajar lagi sudah pandai melompat, inilah kata-kata kiasan yang amat bererti, kerana orang akan dinasihatkan nyi itu dianggap sudah lebih pandai darinya, kerana dari kata-kata ini ia tidak merasa kecil hati dan menerima dengan ikhlas walaupun ia benar-benar telah melakukan kesalahan, begitulah dalam adat pepatih susunan kata-kata demikian sering digunakan dalam perca-kapan sehari-hari lebih-lebih lagi kalau dalam upacara yang ada kaitan dengan adat istiadat.